

LKIM sedia tangani ketirisan subsidi diesel

BH 10/11

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memandang serius teguran Jawatan Kuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) dan akan bekerjasama dengan agensi berkaitan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menangani masalah ketirisan subsidi diesel.

Pengerusi LKIM, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim, berkata LKIM mula melaksanakan dan memantau Skim Diesel Bersubsidi untuk nelayan di Semenanjung pada 1 Januari 2006 dan enam bulan kemudian di Sabah dan Sarawak.

"LKIM bertanggungjawab memantau pelaksanaan operasi Jualan Diesel dan Petrol Bersubsidi oleh Persatuan Nelayan di Pusat Jualan.

Tukar kad E-Diesel

"Beberapa penambahbaikan dilaksanakan oleh LKIM untuk menangani ketirisan bekalan, antaranya menukar penggunaan kad E-Diesel kepada hanya penggunaan kad pengenalan pemilik bot untuk pembelian minyak diesel, selain menetapkan lori pengangkut hanya dari syarikat pembekal minyak dan tiada pemilik persendirian," katanya dalam kenyataan, semalam.

Irmohizam berkata, bagi mengelak ketirisan, pegawai LKIM melakukan penguatkuasaan berterusan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan agensi penguatkuasaan lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).



LKIM bertanggungjawab memantau pelaksanaan operasi Jualan Diesel dan Petrol Bersubsidi oleh Persatuan Nelayan di Pusat Jualan"

Irmohizam Ibrahim,
Pengerusi LKIM